



Pihak KADA mengambil alternatif **meminjam 10 jentera pam air** dari JPS Ipoh, Perak bagi mengatasi masalah saliran di Kelantan.

[FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH]

Gali parit, guna pam salir air elak petani rugi

? Musim kemarau sejak awal bulan lalu menyebabkan 10,000 petani di Kelantan kerugian dan menjejaskan pendapatan. Apakah usaha dilakukan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) untuk mengatasi masalah itu.

Nik Shukri Nik Faizal
Pasir Mas, Kelantan

! KADA mengambil beberapa langkah termasuk meminjam 10 jentera pengepam air dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak bagi membantu petani daripada mengalami kerugian akibat musim kemarau ini.

Semua jentera itu untuk mengepam air ke 10 kawasan tanaman padi musim pertama tahun ini.

Jentera itu mampu beroperasi lapan jam sehari dan menggunakan bahan bakar diesel lebih menjimatkan berbanding jentera pam



“ Kita akan terus memantau dan meninjau bagi memastikan sawah padi KADA dapat diusahakan mengikut jadual dan tidak menjejaskan pengeluaran padi untuk menampung keperluan beras negara”

menggunakan kuasa elektrik di stesen dan rumah pam KADA.

Usaha juga membabitkan penggalan parit dan saliran untuk mengalirkan air ke tali air utama bagi membolehkan bekalan air diagihkan kepada sawah padi yang menghadapi masalah kekeringan air.

Antara enam kawasan pentadbiran KADA yang terbabit masalah itu ialah jajahan Kota Bharu (8,307 hektar); Pasir Mas (6,527 hektar) dan Bachok ((5,706 hektar).

Sejak langkah mengatasi kemarau itu diambil, seluas 11,096 hektar daripada 29,450 hektar sawah dalam kawasan KADA dapat ditanam padi bagi musim 1/2012.

Kita akan terus memantau dan meninjau bagi memastikan sawah padi KADA dapat diusahakan mengikut jadual dan tidak menjejaskan pengeluaran padi untuk menampung keperluan beras negara.

Ibrahim Mat
Pengurus Besar KADA